

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 29

**Mendapan: Projek ECRL selamat diteruskan**

# Mendapan: Projek ECRL selamat diteruskan

Oleh SITI ATHIRAH DZULKIFLY  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) memaklumkan tiada tanda-tanda mendapan atau berlaku tanah runtuh di lokasi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

MRL dalam kenyataan memaklumkan, pihaknya telah memeriksa sekitar projek itu sejak pembukaan persimpangan Bentong di Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak (KLK).

“Selepas menjalankan pemeriksaan teliti, kami ingin menegaskan bahawa tiada sebarang tanda berlaku runtuh pada struktur terowong yang terletak di bawah KM-61 di KLK.

“Kami ingin menegaskan, terowong Bentong 2 kekal utuh di sebalik insiden mendapan tanah tempoh hari. Struktur terowong itu selamat untuk kerja-kerja pembinaan yang dijalankan.”

“Keselamatan pengguna adalah keutamaan kami dan akan terus melakukan pemeriksaan jika terdapat sebarang tandatanda bahaya di kawasan tersebut,” jelas kenyataan itu.

Selain itu, MRL turut menjelaskan bahawa insiden mendapan tanah yang berlaku di



**Kami ingin menegaskan, terowong Bentong 2 kekal utuh di sebalik insiden mendapan tanah tempoh hari. Struktur terowong itu selamat untuk kerja-kerja pembinaan yang dijalankan.”**

kawasan terowong pada 25 Julai lalu adalah kejadian berbeza.

“MRL dengan kerjasama kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pelaksanaan (EPCC) akan mengendalikan pemeriksaan lanjut mengenai insiden mendapan tersebut.”

“Kami juga akan maklumkan kepada umum mengenai sebarang makluman terkini mengenai perkara ini. Pada masa sama, kami akan bekerjasama dengan pihak berkuasa ber-

hubung insiden mendapan itu bagi memastikan keselamatan semua pihak,” jelas kenyataan.

Sementara itu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dalam satu kenyataan berkata, pihaknya telah dimaklumkan mengenai perkara tersebut dan lega apabila laluan ke arah timur sudah boleh dilalui oleh semua kenderaan.

“Bagaimanapun, laluan arah barat menghalau ke Kuala Lumpur masih ditutup. Sehubungan itu, syarikat konsesi telah mengaktifkan laluan kontra menghalau ke ibu negara di kawasan terlibat iaitu di KM67.95 hingga KM65.9, bermula pukul 10.15 pagi tadi.

Justeru, semua kenderaan boleh melalui Lebuh Raya KL-Karak untuk ke Kuantan dan Kuala Lumpur. Kelewatan pembukaan semula semua laluan di kawasan itu terpaksa dibuat demi memastikan keselamatan pengguna jalan raya.

“Saya sentiasa mengikuti perkembangan ini dan meminta pegawai, jabatan dan agensi terlibat supaya melaporkan kepada saya dari semasa ke semasa. Saya ingin menegaskan, keselamatan pengguna jalan raya adalah keutamaan saya dan Kementerian ini,” katanya.